

26/09/2000

100,000 pokok ditanam seminit pada 15 Oktober

KUALA LUMPUR, Isnin - Kira-kira 100,000 pokok akan ditanam dalam masa seminit di seluruh negara pada 15 Oktober ini sebagai cubaan memecahkan rekod Malaysian Book of Record dan Guinness Book of Record.

Cubaan itu diadakan sempena Kempen Penanaman Pokok Alaf Baru 2000 yang akan dilancarkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Taman Bukit Jalil di sini.

Timbalan Pengarah Bahagian Seni Taman, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), Mohd Amin Nordin Abdul Aziz berkata, 200 hingga 300 pokok dijangka ditanam di taman itu pada majlis pelancaran itu.

"Di Kuala Lumpur saja, kami mensasarkan 7,000 pokok ditanam dalam tempoh itu di lima kawasan.

"Cubaan itu juga disertai kira-kira 3,500 anggota kumpulan penanam pokok di seluruh negara yang mewakili DBKL, Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM), Jabatan Lanskap Negara, Lions Club, Persatuan Pencinta Alam, Persatuan Penilai dan Perunding Harta Malaysia serta persatuan sukarela Siabci membabitkan RM100,000," katanya.

Beliau berkata kempen itu adalah susulan dasar kerajaan menjadikan Malaysia negara dalam taman yang mensasarkan 20 juta pokok ditanam di seluruh negara menjelang 2005.

Rekod bagi Malaysian Book of Record kini dipegang oleh Lahad Datu pada 1997 apabila 10,000 pokok ditanam dalam masa seminit, manakala rekod bagi Guinness Book of Record dipegang oleh Sao Paolo, Brazil pada 1998 apabila 24,159 pokok ditanam dalam masa seminggu.

(END)